

**PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KEKELUARGAAN,
PENGARUH RAKAN SEBAYA DAN KECERDASAN EMOSI
DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN
PELAJAR ASRAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KOTA BELUD**

ROSNANI BINTI SIDIN



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TAJUK : **PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KEKELUARGAAN, PENGARUH RAKAN SEBAYA DAN KECERDASAN EMOSI DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN PELAJAR ASRAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KOTA BELUD**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **ROSNANI BINTI SIDIN** **SESI PENGAJIAN : 2010/2011**

Mengaku membenarkan disertasi (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(ROSNANI BINTI SIDIN)



(DR. LEE BIH NI)

Alamat Tetap: SD 18, Fasa VI
Taman Nikmat
89159 Kota Belud
SABAH
Tarikh: 25 Februari 2013

Tarikh : 25 Februari 2013

CATATAN :- * Potong yang tidak berkenaan

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

'Karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.'

25 FEBRUARI 2013



Rosnani binti Sidin

PT20107364C



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **ROSNANI BINTI SIDIN**
NO MATRIK : **PT20107364C**
TAJUK : **PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KEKELUARGAAN,
PENGARUH RAKAN SEBAYA DAN KECERDASAN EMOSI
DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN PELAJAR ASRAMA
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DAERAH KOTA BELUD**
IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TELAH DISAHKAN OLEH

PENYELIA

Dr. Lee Bih Ni



Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, laporan penyelidikan ini dapat disiapkan seperti yang dirancang. Dalam menyiapkan kajian ini, ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia, Dr. Lee Bih Ni yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang berterusan tanpa jemu sehingga terhasilnya kajian ini.

Ucapan terima kasih kepada pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat bagi menjayakan kajian ini. Sesungguhnya sokongan, sumbangan dan bantuan kalian amat saya hargai. Akhir sekali, terima kasih atas segala sokongan, pengorbanan dan kesabaran

Suami yang sangat dikasihi

Jawadi bin Belun

Anak-anak yang sangat disayangi

Mohd Rizq Farhan bin Jawadi

Mohd Rizq Isyraf bin Jawadi

Mohd Rizq Irfan bin Jawadi

Bayi yang bakal dilahirkan



Ibu tercinta, adik beradik dan keluarga yang banyak membantu dan memberi sokongan.

Semoga usaha murni penulisan ini mendapat keberkatan Allah SWT dan memberi faedah kepada semua pihak.

Wassalam.

Rosnani binti Sidin

25 Februari 2013

ABSTRAK

PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KEKELUARGAAN, PENGARUH RAKAN SEBAYA DAN KECERDASAN EMOSI DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN PELAJAR ASRAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KOTA BELUD

Tingkah laku delinkuen pelajar asrama merupakan salah satu masalah yang hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak masa kini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti permasalahan ini dengan meninjau perkaitan tingkah laku delinkuen dengan hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi. Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar asrama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan daerah Kota Belud. Kajian ini melibatkan 160 orang pelajar tingkatan empat yang terdiri daripada 90 orang pelajar lelaki dan 70 orang pelajar perempuan. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai tahap tingkah laku delinkuen serta analisis inferensi iaitu Korelasi Pearson dan Analisis Regresi Berganda untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap tingkah laku delinkuen pelajar asrama pada tahap yang rendah dengan min 1.55, hubungan kekeluargaan pada tahap yang sederhana dengan min 3.66, pengaruh rakan sebaya pada tahap sederhana dengan min 2.96 dan kecerdasan emosi pada tahap sederhana dengan min 3.31. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan kekeluargaan dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama. Manakala terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama iaitu pada tahap yang rendah. Keputusan hasil Analisis Regresi Berganda pula menunjukkan pemboleh ubah pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi menyumbang kepada tingkah laku delinkuen pelajar asrama.

ABSTRACT

Delinquent behavior among hostel students is one of the most talked by various authorities nowadays. Therefore, this study is to identify the problem by examining the relevance of delinquent behavior with family relationships, peer group influence and emotional intelligence. The respondents were hostels students at the National Secondary Schools of Kota Belud District. The study involved 160 students in Form Four consisted of 90 male students and 70 female students. This is a quantitative study using questionnaires as the research instrument. Data analyzed by using descriptive analysis to obtain the frequency, percentage, mean and standard deviation levels of delinquent behavior and inferential analysis of Pearson Correlation and Multiple Regression Analysis to examine the relationship between the variables. The results showed that the level of delinquent behavior among hostel students at low level with a mean of 1.55, family relationships at moderate level with a mean of 3.66, the influence of peers at moderate level with a mean of 2.96 and also at moderate level of emotional intelligence with a mean of 3.31. The results showed no significant relationship between family relationships and emotional intelligence with delinquent behaviour of hostel students . While there is a significant relationship between peer influence with delinquent behavior of hostel students which is at a low level. Results of Multiple Regression Analysis results showed that the variables of peer influence and emotional intelligence contribute to delinquent behavior among hostel students.

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Soalan Kajian	9
1.7 Hipotesis Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Batasan Kajian	10
1.10 Definisi Operasional	10
1.10.1 Hubungan Kekeluargaan	10
1.10.2 Pengaruh Rakan Sebaya	11
1.10.3 Kecerdasan Emosi	12
1.10.4 Delinkuen	13
1.11 Kerangka Konsep	14
1.12 Rumusan	15
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Literatur Berkaitan	16
2.2.1 Hubungan Kekeluargaan	16
2.2.2 Pengaruh Rakan Sebaya	18
2.2.3 Kecerdasan Emosi	20
2.2.4 Tingkah Laku Delinkuen	21

2.3	Pendekatan Teori	22
2.3.1	Teori Pembelajaran Sosial	22
2.3.2	Teori Kecerdasan Emosi	23
2.3.3	Teori Hirarki Keperluan Maslow	25
2.3.4	Model Kajian – Teori Pembelajaran Sosial	26
2.4	Kajian-Kajian Lepas	27
2.4.1	Kajian Lepas Dalam Negara	27
2.4.2	Kajian Lepas Luar Negara	30
2.5	Rumusan	31

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	32
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	33
3.3.1	Populasi Kajian	33
3.3.2	Sampel Kajian	33
3.4	Lokasi Kajian	34
3.5	Instrumen Kajian	35
3.5.1	Struktur Instrumen	35
3.5.2	Penilaian Instrumen	37
3.6	Kajian Rintis	38
3.6.1	Kesahan Instrumen	39
3.6.2	Kebolehpercayaan	39
3.7	Pembolehkan Kajian	40
3.7.1	Pemboleh Ubah Bersandar	40
3.7.2	Pemboleh Ubah Bebas	40
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	40
3.8.1	Pembentukan Soal Selidik	40
3.8.2	Mentadbir Soal Selidik	40
3.9	Tatacara Penganalisan Data	43
3.9.1	Analisis Deskriptif	43
3.9.2	Analisis Inferensi	44
3.10	Rumusan	45

BAB 4: ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis Deskriptif	46
4.2.1	Analisis Demografi	47
4.2.2	Analisis Tahap Tingkah Laku Delinkuen	48
4.2.3	Analisis Tahap Hubungan Kekeluargaan	54
4.2.4	Analisis Tahap Pengaruh Rakan Sebaya	56
4.2.5	Analisis Tahap Kecerdasan Emosi	59
4.3	Ujian Kenormalan	61
4.3.1	Taburan Data Tingkah Laku Delinkuen	61

4.3.2	Taburan Data Hubungan Kekeluargaan	62
4.3.3	Taburan Data Pengaruh Rakan Sebaya	63
4.3.4	Taburan Data Kecerdasan Emosi	63
4.4	Analisis Inferensi	64
4.4.1	Hipotesis 1	65
4.4.2	Hipotesis 2	67
4.4.3	Hipotesis 3	68
4.4.4	Hipotesis 4	70
4.5	Rumusan Dapatan Kajian	72
4.6	Kesimpulan	73

BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan Kajian	74
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	75
5.4	Perbincangan Hasil Kajian	79
5.4.1	Tingkah Laku Delinkuen Pelajar	79
5.4.2	Hubungan Antara Hubungan Kekeluargaan dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Asrama	80
5.4.3	Hubungan Antara Pengaruh Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Asrama	82
5.4.4	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Asrama	83
5.5	Implikasi Kajian	85
5.6	Cadangan Tindakan	85
5.6.1	Cadangan Kepada Ibu Bapa	85
5.6.2	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	87
5.6.3	Cadangan Kepada Pelajar	89
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	90
5.6	Kesimpulan	91

BIBLIOGRAFI

93

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1.	Bilangan Populasi Kajian	33
Jadual 3.2.	Taburan Sampel Kajian	34
Jadual 3.3	Pembahagian Item Positif Dan Item Negatif	36
Jadual 3.4	Skor dan Petunjuk Instrumen	37
Jadual 3.5	Skor dan Pemeringkatan Skala Kekerapan	38
Jadual 3.6	Kebolehpercayaan Item	40
Jadual 3.7.	Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Tingkah Laku Delinkuen Pelajar	44
Jadual 3.8.	Hubungan Pekali Korelasi 'r'	44
Jadual 4.1	Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina	47
Jadual 4.2	Taburan Sampel Kajian Mengikut Kaum	47
Jadual 4.3	Analisis Statistik Deskriptif Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Asrama	49
Jadual 4.4	Taburan Kekerapan Pelajar Melakukan Tingkah Laku Delinkuen	53
Jadual 4.5	Taburan Kekerapan Hubungan Kekeluargaan dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar	56

Jadual 4.6	Taburan Kekerapan Pengaruh Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Asrama	58
Jadual 4.7	Taburan Kekerapan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar	61
Jadual 4.8	Nilai Koefisian Korelasi Pearson Delinkuen dan Hubungan Kekeluargaan	66
Jadual 4.9	Nilai Koefisian Korelasi Pearson Delinkuen dan Pengaruh Rakan Sebaya	68
Jadual 4.10	Nilai Koefisian Korelasi Pearson Delinkuen dan Kecerdasan Emosi	70
Jadual 4.11	Analisis Regresi Berganda	71
Jadual 4.12	Rumusan Keputusan Dapatan Kajian	73



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	14
Rajah 3.1	Prosedur Kajian	42
Rajah 4.1	Taburan Min Tingkah Laku Delinkuen	50
Rajah 4.2	Taburan Kekekapan Tingkah Laku Delinkuen	51
Rajah 4.3	Histogram Taburan Data Tingkah Laku Delinkuen	62
Rajah 4.4	Histogram Taburan Data Hubungan Kekeluargaan	62
Rajah 4.5	Histogram Taburan Data Pengaruh Rakan Sebaya	63
Rajah 4.6	Histogram Taburan Data Kecerdasan Emosi	64
Rajah 4.7	Plot Serakan Hubungan Kekeluargaan dengan Tingkah Laku delinkuen	65
Rajah 4.8	Plot Serakan Hubungan Pengaruh Rakan sebaya dengan Tingkah Laku Delinkuen	67



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

LAMPIRAN A	Soal Selidik Kajian	98
LAMPIRAN B	Kelulusan Menjalankan Kajian Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia	104
LAMPIRAN C	Kelulusan Menjalankan Kajian Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	105



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Pelajar merupakan aset penting dalam negara sebagai generasi pewaris dan peneraju hala tuju masa depan negara serta pemimpin negara pada masa akan datang. Mereka adalah harapan negara yang mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap keadaan sosial, politik dan ekonomi negara sebagai golongan yang akan terus melaksanakan program pembangunan negara untuk mencapai wawasan 2020 dan seterusnya menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya.

Namun, pada realitinya pelbagai pihak mula melahirkan rasa kebimbangan dan tidak putus-putus dibebani dengan permasalahan tingkah laku delinkuen pelajar. Walaupun pelajar sudah dididik dan diasuh dalam budaya sekolah yang kondusif serta adanya peraturan dan undang-undang sebagai garis panduan, para pelajar khususnya yang tinggal di asrama masih cenderung melakukan tingkah laku delinkuen sama ada kesalahan ringan, kesalahan sederhana mahupun kesalahan berat.

Pihak ibu bapa berasa bimbang dengan masalah sosial yang kian berlaku dalam kalangan pelajar. Pelbagai masalah sosial berlaku yang berkaitan dengan sekolah seperti ponteng sekolah, gangster, mencuri, membuli, merokok, melawan pihak sekolah, melanggar disiplin sekolah serta penglibatan pelajar dengan kes jenayah. Sapora Sipon (2010) menyatakan antara masalah gejala sosial yang kerap berlaku di sekolah ialah merokok, merosakkan harta sekolah, mencuri, bergaduh, peras ugut, ponteng sekolah, mengganggu pembelajaran dalam kelas, tidak mematuhi arahan guru dan sebagainya.

Keruntuhan akhlak dan nilai-nilai moral serta gaya hidup yang tidak sihat telah memberi kesan yang buruk terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Kemelut masalah remaja kini semakin menjadi-jadi walaupun pelbagai langkah telah dan sedang diambil untuk membanteras kegiatan tidak sihat dalam kalangan remaja. Bahkan kerosakan akhlak dan kejadian salah laku ini semakin meruncing dan meningkat setiap tahun (Maizatul Akmam, 2007 dalam Azizi *et al.*, 2010).

Penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri pelajar itu sendiri, perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Azizi dan Badruzaman (2006) menyatakan tingkah laku delinkuen yang berlaku dilaporkan meningkat dari semasa ke semasa sama ada di kawasan bandar, luar bandar atau pinggir bandar. Pelajar-pelajar melakukan salah laku disebabkan oleh pelbagai faktor yang mendorong dan mempengaruhi diri mereka untuk melanggar peraturan sama ada pengaruh rakan sebaya, faktor kekeluargaan, masalah peribadi dan sebagainya. Selain itu, pembangunan yang pesat dalam sektor ekonomi, sosial dan budaya serta perkembangan teknologi maklumat telah membawa bersama gejala sosial yang negatif dalam kalangan pelajar (Mahadi, 2007).

Pelbagai cara dan pendekatan hendaklah dilakukan untuk meneroka dan mengenal pasti punca permasalahan terlebih dahulu. Setelah mengetahui punca berlaku delinkuen, baharulah proses penyelesaian masalah dapat dilakukan dengan lebih terancang dan berkesan. Abd Rahim (2006) menyatakan pelbagai pendekatan dan cara telah diambil dan diaplikasikan oleh pihak sekolah untuk menangani masalah salah laku, namun perkara ini masih juga berlaku khususnya di asrama. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan ibu bapa, para pelajar dan masyarakat setempat berganding bahu dengan pihak sekolah untuk sama-sama mengawal dan menangani tingkah laku delinkuen ini daripada terus menular.

1.2. Latar Belakang Masalah

Tingkah laku delinkuen pelajar sering dipaparkan di dada akhbar dan media serta dijadikan kajian oleh pengkaji-pengkaji. Tingkah laku delinkuen yang berlaku biasanya melibatkan pelajar yang berusia antara 14 tahun hingga 15 tahun. Ianya semakin menurun apabila mereka berusia 17 tahun ke atas. Perlakuan delinkuen bukan sahaja melibatkan pelajar lelaki tetapi juga pelajar perempuan tanpa mengira usia. Menurut kajian-kajian lepas yang dilakukan, secara amnya terdapat pola tertentu mengikut jantina dengan delinkuen yang dilakukan oleh kaum remaja. Sesetengah delinkuen banyak dilakukan oleh kaum perempuan dan sesetengahnya banyak dilakukan oleh kaum lelaki. Kadang kala sesetengah delinkuen tidak dipengaruhi oleh jantina atau faktor umur sebagai pemboleh ubah.

Kajian yang dilakukan oleh Manja (1990) terhadap 65 orang pelajar tingkatan satu hingga lima di sebuah sekolah di daerah Kajang, Selangor mendapati pelajar tingkatan tiga yang lebih banyak melakukan kesalahan ponteng sekolah. Dari segi jantina pula, didapati pelajar lelaki lebih ramai melakukan ponteng sekolah. Ab. Alim (1988) dalam Azizi *et al.* (2010) dalam kajiannya di dua buah sekolah mendapati 77.6 peratus pelajar lelaki terlibat dengan kesalahan di sekolah. Hanya 22.4 peratus pelajar perempuan terlibat dengan kesalahan tersebut. Ini menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan. Kajian Kandiah (1982) dalam Azizi *et al.* (2010) yang dijalankan ke atas 3156 remaja mendapati 97.6 peratus remaja lelaki dan hanya 2.4 peratus remaja perempuan yang terlibat dengan perintah mahkamah ke institusi pemulihan. Banyak kajian menunjukkan lelaki lebih agresif daripada perempuan.

Berdasarkan kajian sahsiah yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Kluang, Johor oleh Mohd Ismail *et al.* (2004), pengkaji mendapati para pelajar menghadapi masalah sahsiah seperti masalah sosial dan kegiatan hiburan, masalah perhubungan peribadi, masalah moral dan agama, masalah muda mudi, perkahwinan dan seks. Menurut laporan kajian yang dijalankan oleh Profesor Datin Dr. Noran Fauziah Yaakub (2005), Dekan Fakulti Sains Kognitif, Universiti Pendidikan Sultan Idris menunjukkan bahawa daripada 2,600 orang pelajar dari 26 buah sekolah menengah di dua buah negeri di Malaysia, didapati bahawa

jumlah mereka yang terlibat dalam kegiatan tingkah laku delinkuen iaitu membuli sama ada secara fizikal atau psikologi adalah amat tinggi (Jeemiau, 2005).

Dalam hal ini, pelbagai persepsi dan tanggapan diutarakan oleh masyarakat termasuklah ibu bapa dan guru tentang faktor-faktor yang mendorong kepada perlakuan ini. Antaranya berpendapat disebabkan oleh faktor ibu bapa yang kurang memberikan perhatian, kasih sayang, dorongan serta pendidikan agama kepada anak-anak. Ibu bapa memberikan peranan ini kepada pihak sekolah dan asrama untuk membentuk anak-anak mereka tetapi anak-anak tersebut memberontak dan akhirnya mengambil jalan singkat melakukan tingkah laku delinkuen.

Hasan (1996) menjelaskan ibu bapa perlu memainkan peranan dalam pendidikan anak-anak sama ada pendidikan akademik atau agama. Amalan berkasih sayang, amalan moral dan akhlak perlu diterapkan dalam diri setiap keluarga untuk membantu mengawal tingkah laku anak-anak yang mudah terdedah kepada tingkah laku delinkuen. Shahizan *et al.* (2006) mengutarakan pandangan ibu bapa perlu menunjukkan kasih sayang, menolong apabila diminta bantuan dan memahami kehendak hati anak remaja mereka.

Setengah pihak pula mengutarakan pandangan, faktor tingkah laku delinkuen pelajar disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Pelajar remaja sering mudah terikut-ikut dan terpengaruh dengan perilaku rakan sebaya. Mereka mempunyai sifat ingin meniru dan mencuba sesuatu yang negatif seperti merokok, ponteng kelas dan tingkah laku delinkuen yang lain. Apabila menghadapi masalah, mereka lebih suka berkongsi masalah dengan rakan sebaya dan mudah menerima pandangan rakan yang lebih mereka yakini untuk menyelesaikan masalah mereka berbanding dengan keluarga. Ada juga antara pelajar yang mempunyai kecenderungan yang sama merancang bersama untuk melakukan tingkah laku delinkuen seperti vandalisme, dan keluar tanpa kebenaran guru dan warden daripada kawasan sekolah dan asrama. Kecenderungan yang sama ini menyebabkan lagi pengaruh negatif yang lebih luas dalam kalangan pelajar asrama kerana secara tidak langsung mendorong pelajar yang lain mengikuti perbuatan tersebut.

Ini dijelaskan lagi oleh Shahizan *et al.* (2006), pengaruh rakan sebaya mempengaruhi estim sendiri remaja. Remaja terpengaruh dengan tekanan rakan sebaya. Tekanan rakan sebaya ini boleh dikategorikan kepada dua aspek iaitu positif dan negatif tetapi remaja biasa terdedah kepada aspek negatif seperti vandalisme, merokok, mencuri, ponteng sekolah dan sebagainya. Seharusnya pelajar bijak mencari rakan-rakan yang baik untuk dijadikan rakan sewaktu berada di sekolah supaya mereka terhindar daripada terpengaruh dengan tingkah laku delinkuen.

Selain itu, pelajar juga sering dianggap tidak mempunyai benteng kecerdasan emosi yang kuat. Mereka seringkali menuruti perasaan apabila menghadapi suatu permasalahan serta bertindak melulu tanpa berfikir panjang. Mereka berasa tertekan, tidak yakin dengan kebolehan diri, berasa rendah diri dan tidak mempunyai ketahanan jiwa yang kuat menghadapi masalah dan konflik. Inilah yang menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan pengaruh negatif yang mereka anggap sebagai jalan keluar daripada permasalahan. Sebaliknya pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan mampu mengawal emosi, bertindak secara bijak dan mampu memotivasikan diri sendiri untuk meningkatkan disiplin sendiri serta mampu menghadapi liku kehidupan dengan penuh ketenangan.

1.3. Pernyataan Masalah

Tingkah laku delinkuen sering berlaku dalam kalangan pelajar yang tinggal di asrama. Tingkah laku delinkuen dianggap sebagai tingkah laku yang menyimpang daripada peraturan-peraturan asrama dan sekolah yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan. Para pelajar sama ada lelaki atau perempuan semakin hari semakin berani untuk melakukan delinkuen. Kes-kes yang sering berlaku ialah ponteng kelas, melawan guru, merokok, mencuri, membuli, vandalisme dan turut melibatkan kes jenayah. Utusan Malaysia, 23 Januari 2005 memaparkan kejadian seorang pelajar di sebuah Sekolah Menengah Agama di Negeri Sembilan meninggal dunia kerana dipukul dengan teruk oleh beberapa orang pelajar senior di asrama tersebut.

Oleh kerana kes salah laku sering berlaku di asrama, maka pengkaji lebih cenderung untuk mengkaji permasalahan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar asrama. Persoalan yang timbul, apakah faktor-faktor yang menyebabkan tingkah laku delinkuen ini berlaku?. Adakah tingkah laku delinkuen tersebut mempunyai perkaitan dengan hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi pelajar?. Persoalan ini menimbulkan minat dan keinginan pengkaji untuk membuat penyelidikan berkaitan perkara ini untuk dijadikan panduan, rujukan dan pengetahuan kepada para guru, warden, ibu bapa dan pelajar agar kes tingkah laku delinkuen ini dapat dikawal dan diatasi dengan sebaiknya.

Tingkah laku delinkuen pelajar dikatakan mempunyai perkaitan dengan hubungan kekeluargaan. Pelajar yang kurang mendapat perhatian dan kasih sayang serta menghadapi masalah kekeluargaan sering terdorong melakukan perlakuan delinkuen. Hasan (1996) berpendapat kegagalan ibu bapa melahirkan kasih sayang mereka terhadap anak menyebabkan anak mencari kasih sayang orang lain. Kasih sayang yang dirasakan daripada orang lain akan menjadi penyebab timbulnya jurang perhubungan dengan ahli keluarga terutama ibu dan bapa mereka sendiri. Hubungan kekeluargaan yang longgar, keluarga berpecah dan kurang perhatian daripada keluarga atau ibu bapa serta kurangnya komunikasi akan mewujudkan emosi yang tidak gembira serta tekanan perasaan. Faktor psikologi ini akhirnya menyebabkan berlakunya tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar di asrama dan sekolah. Dapatan kajian oleh Zainuddin dan Norazmah (2011) mendapati terdapat keadaan ibu bapa yang kurang berkomunikasi dengan pelajar tentang keperluan dan masalah yang dihadapi anak-anak. Seramai 41.9% pelajar yang terlibat dalam masalah sosial disebabkan masalah ini.

Rakan sebaya juga mempunyai pengaruh yang ketara. Rakan sebaya di sekolah dapat mempengaruhi disiplin seseorang pelajar. Sekiranya nilai-nilai rakan sebaya tidak mementingkan ketekunan, tanggungjawab, kerjasama, menepati masa, menghormati guru dan mematuhi peraturan, begitulah sikap murid berkenaan. Sebaliknya sifat-sifat positif rakan sebaya mempengaruhi seseorang individu yang amat menekankan nilai moral seperti sifat kepimpinan, bertimbang rasa dan bekerjasama.

Pelajar remaja sering dipengaruhi pandangan rakan sebaya yang lebih tinggi berbanding dengan ibu bapa atau keluarga. Perkara ini menimbulkan perselisihan fahaman antara ibu bapa atau keluarga dengan pelajar remaja. Pelajar menganggap ibu bapa atau keluarga tidak memahami diri mereka bahkan menganggap ibu bapa atau keluarga mengongkong kebebasan diri mereka. Apabila berhadapan dengan permasalahan, mereka lebih cenderung meluahkan permasalahan tersebut kepada rakan sebaya mereka. Dalam hal ini, pemilihan rakan sebaya sangat penting. Jika tersilap memilih rakan, maka rakan tersebut akan lebih cenderung mempengaruhi rakan untuk melakukan aktiviti negatif seperti membuli, merokok, vandalisme, ponteng dan sebagainya.

Selain itu, rakan sebaya mempengaruhi rakan untuk melakukan tingkah laku delinkuen dengan memberi tekanan atau penolakan rakan sebaya (Azizi dan Muhamad Jumat, 2010). Antara caranya ialah pelajar remaja yang tidak diterima oleh rakan sebaya akan mengalami masalah kekurangan kemahiran sosial dan menyebabkan remaja tersebut mencari kumpulan rakan sebaya yang dapat menerima mereka walaupun kumpulan remaja tersebut merupakan kumpulan rakan sebaya yang suka melakukan delinkuen. Akhirnya pelajar remaja akan terpengaruh dan turut serta melakukan tingkah laku delinkuen.

Selain itu, tingkah laku delinkuen berlaku kerana sikap pelajar sendiri. Dapatan kajian oleh Zainuddin dan Norazmah (2011) mendapati faktor diri sendiri paling mempengaruhi responden terlibat dalam masalah sosial berbanding rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah. Masalah kurangnya keimanan dan daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar mempercepatkan lagi pengaruh yang tidak baik masuk ke dalam diri pelajar. Pelajar seperti ini bertindak mengikut perasaan tanpa mengira batasan. Mereka kurang memiliki kekentalan jiwa yang kuat menyebabkan mudah terikut-terikut dengan rakan sebaya untuk melakukan delinkuen. Mereka seakan-akan tidak dapat mengawal dan membendung diri daripada perlakuan negatif. Ilmu dan pengalaman harian yang telah dipelajari tidak mampu menyelesaikan masalah sendiri mereka untuk membentuk sikap yang mantap. Jika dilihat dari segi gender, pelajar lelaki lebih mudah mengalami tekanan emosi serta mudah terpengaruh dengan rakan sebaya berbanding perempuan. Menurut Hurlock (1972) dalam Mausil (2006), pelajar lelaki lebih ramai mengalami

masalah emosi berbanding pelajar perempuan. Keadaan ini menyebabkan mereka melakukan tingkah laku delinkuen.

1.4. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap tingkah laku delinkuen pelajar asrama di sekolah-sekolah menengah di daerah Kota Belud serta perkaitannya dengan hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi.

1.5. Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian adalah seperti berikut;

1. Untuk mengenal pasti tahap delinkuen pelajar asrama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Belud.
2. Untuk mengenal pasti tahap hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi pelajar asrama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Belud.
3. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara faktor hubungan kekeluargaan dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama.
4. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama.
5. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama.
6. Untuk mengenal pasti sama ada pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas merupakan peramal yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen pelajar asrama.

1.6. Soalan Kajian

Kajian dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan seperti berikut iaitu;

1. Apakah tahap tingkah laku delinkuen pelajar asrama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Belud?.
2. Apakah tahap hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi pelajar asrama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Belud?.
3. Adakah terdapat hubungan antara hubungan kekeluargaan dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama?.
4. Adakah terdapat hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama?.
5. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama?.
6. Adakah pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas merupakan peramal yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen pelajar asrama?.

1.7. Hipotesis Kajian

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor hubungan kekeluargaan dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama.
- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama.
- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar asrama.
- Ho4 Pemboleh ubah-Pemboleh ubah bebas bukan peramal yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen pelajar asrama.